



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 26 OKTOBER 2019**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|--|---|--|
| 1. 2. | MOA TELITI PERMOHONAN SYARIKAT BERMINAT DAPATKAN KONTRAK PERMIT IMPORT BERAS, NEWS, BERNAMA -4 MOA TELITI PERMOHONAN SYARIKAT BERMINAT DAPATKAN KONTRAK PERMIT IMPORT BERAS, NEWS, MALAYSIA SHAFQA -5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 3. 4. 5. 6. 7. 8. | DUA BOT NELAYAN ASING CEROBOH PERAIRAN DITAHAN, NASIONAL, SH -13 MANFAAT KEDUDUKAN PUTATAN BANGUN INDUSTRI HILIRAN DALAM PERIKANAN, NEWS, BORNEO TODAY -10 DEAD DOLPHIN FOUND WASHED ASHORE ON LABUAN BEACH, HOME, NEW SABAH TIMES ENGLISH (KK) -1 MASSIVE FISH FARM DIE-OFF DUE TO LACK OF OXYGEN, NEWS, NANYANG SIANG PAU -B1 MASSIVE FISH DIE-OFF HAPPENED THRICE WITHIN THIS MONTH, NEWS, SIN CHEW DAILY (JOHOR) -3 FISHIES DIED FROM LACK OF OXYGEN 3 TIMES THIS MONTH, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -C3 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 9. | ORANG TENGAH PERLU DAFTAR FAMA, TENGAH, HM -38 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 10. 11. | PEKEDAI RAIH UNTUNG LUMAYAN, NASIONAL, BH -8 'LPP MAHU GUNA NOMBOR KOD BAR PADA KAMPIT BAJA', NASIONAL, BH -8 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 12. 13. 14. 15. 16. 17. | AGRICULTURAL TRAINING COURSE, NORTHERN SARAWAK , SEE HUA DAILY NEWS -A14 PERUNTUKAN BANTU GRADUAN CEBURI PERTANIAN AKAN DISEDIA DALAM BELANJAWAN NEGERI, NEWS, BORNEO TODAY -10 BANJIR DIBEBERAPA TEMPAT DI SELURUH NEGARA MAKIN PULIH, NASIONAL, BH -12 DESAK SEGERA DALAM KAN MUARA KUALA SUNGAI BARU, SENTRAL, BH -52 INOVASI PEKEBUN NANGKA HASILKAN PENGGALAK BUAH, NASIONAL, BH -50 TANGANI ANCAMAN KERA, SINAR NEGERI KELANTAN / TERENGGANU, SH -38 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|------------|--|-------------|------------|
| Headline | MOA teliti permohonan syarikat berminat dapatkan kontrak Permit Import beras | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 26 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 5 |
| Order Rank | 4 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,250 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,750 |

MOA teliti permohonan syarikat berminat dapatkan kontrak Permit Import beras

PONTIAN, 26 Okt -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sedang meneliti Permohonan Cadangan (RFP) beberapa syarikat yang berminat untuk mendapatkan kontrak Permit Import beras bagi menggantikan Padiberas Nasional Bhd (Bernas) pada Januari 20...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

| | | | |
|------------|--|-------------|------------|
| Headline | MoA teliti permohonan syarikat berminat dapatkan kontrak permit import beras | | |
| MediaTitle | Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com) | | |
| Date | 26 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 2 |
| Order Rank | 5 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 800 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,400 |

MoA teliti permohonan syarikat berminat dapatkan kontrak permit import beras

PONTIAN: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) sedang meneliti Permohonan Cadangan (RFP) beberapa syarikat yang berminat untuk mendapatkan kontrak Permit Import beras bagi menggantikan Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) pada Januari 2021.
Baca ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|----------|------------|
| 26/10/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 13 |

Dua bot nelayan asing ceroboh perairan ditahan

KUANTAN - Dua bot disyaki milik nelayan asing bersama dua tekong dan 21 awak-awak ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di perairan negeri Pahang tengah hari kelmarin.

Bot terbabit ditahan kerana disyaki melakukan aktiviti menangkap ikan pada kedudukan kira-kira 64 batu nautika dari Kuala Pekan.

Pengarah APMM Pahang, Laksmiana Muda Maritim Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, dua bot berkenaan menggunakan nombor pendaftaran dipercayai dari Vietnam.

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas bot terbabit, pihaknya menemui dan merampas pelbagai jenis ikan di-

anggarkan seberat 4 tan.

"Semua barang rampasan termasuk bot dianggarkan bernilai hampir RM2 juta.

"Tekong dan semua awak-awak berusia dalam lingkungan 16 hingga 53 tahun dan bot yang ditahan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk siasatan lanjut," katanya di sini semalam.

Zulkarnain berkata, kes disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan Akta Perikanan 1985 kerana memasuki dan menangkap ikan di kawasan perairan Malaysia tanpa kebenaran.

Beliau berkata, jika disabitkan kesalahan, kedua-dua tekong boleh dikenakan denda tidak lebih RM1 juta atau penjara tidak melebihi 3 tahun.

"Bagi semua awak-awak mereka, berdepan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun jika sabit kesalahan," katanya.

Menurutnya, sehingga hari ini APMM Negeri Pahang telah melakukan 755 pemeriksaan dengan 61 tangkapan melibatkan pelbagai kesalahan.



FOTO: IHSAN APMM PAHANG

Bot disyaki milik nelayan asing ditahan APMM tengah hari kelmarin.

| | | | |
|------------|---|-------------|------------|
| Headline | Manfaat Kedudukan Putatan Bangun Industri Hiliran Dalam Perikanan | | |
| MediaTitle | Borneo Today (www.borneotoday.net) | | |
| Date | 26 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

Manfaat Kedudukan Putatan Bangun Industri Hiliran Dalam Perikanan

Oleh SURAIDAH ROSLANPUTATAN: Kedudukan Putatan yang berada di pesisir pantai harus dimanfaatkan oleh masyarakat setempat ini bagi membangunkan industri hiliran dalam sektor perikanan. Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal berkata, belia di ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Dead dolphin found washed ashore on Labuan beach | | |
| MediaTitle | New Sabah Times English (KK) | | |
| Date | 26 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 11,025 |
| Page No | 1 | Readership | 33,075 |
| Language | English | ArticleSize | 120 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 665 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,994 |



Dead dolphin found washed ashore on Labuan beach

LABUAN: The Labuan Marine Park, Veterinary Services Department and Labuan Fisheries Department are conducting an investigation after a male spinner dolphin was found dead with a wound at Sg Miri Beach here on Thursday afternoon.

The marine mammal experts of Turtle and Marine Ecosystem Centre (TUMEC) Rantau Panjang has confirmed the adult dolphin belonged to the *Stenella longirostris*, a small dolphin found in off-shore tropical waters around the world.

The dolphin's carcass was recovered by a local fisherman at around 2pm who immediately alerted the Labuan Marine Park director **Anuar Deraman**.

"When I saw the dolphin's carcass, I informed Veterinary Services Department director Dr Marysia James-Abie and she immediately dispatched her personnel Dr Larry Daves to conduct necropsy on the carcass," he told Bernama.

The necropsy showed that the marine animal was injured with a wound in the upper body, most likely hit by hard stone or objects, while it was still alive.

Anuar said the dolphin measured 2.3 metres in length and weighed about 70 kilogrammes.

The Fisheries Act 1985 (Part VI, Aquatic Animals), specifies that no person (s) is to catch, take, harm, harass, or disturb any marine mammals in Malaysian waters, whether deliberately or accidentally.

Should an animal accidentally get caught (i.e., as bycatch), the act further specified that the animal, if alive, should be released immediately, and if dead, for the Department of Fisheries Malaysia be informed of the incident and the carcass, if any, shall be disposed of in accordance to the Department's directions. —Bernama

| | | | |
|------------|---|-------------|----------------------|
| Headline | Massive fish-farm die-off due to lack of oxygen | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau (Johor) | | |
| Date | 26 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 51,000 |
| Page No | B1 | Readership | 153,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1525 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,847 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,542 |



南洋商报

2019年10月26日 星期六

南大门

箱网鱼缺氧大量死

龟咯76户渔民总损失千万元

【笨珍 25 日讯】龟咯养殖业渔民这个月以来面对养殖在箱网里的鱼儿因缺氧而大量死亡，所有在龟咯海域从事养殖业的 76 户渔民或多或少受到影响，总估计约损失 1000 万令吉。



2019年10月26日 星期六



黄日升（面对镜头）与龟咯与养殖业渔民对话交流

P186 丹絨比艾国席补选

● 报名: 11月2日 ● 投票: 11月16日

黄日升与渔民对话 提2建议解决困境

马华国统辖选区国会主席黄日升日前在笨珍后，今天到龟咯与养殖业渔民对话交流。

他促请政府尽快采取符合与有效的行动，协助龟咯养殖业渔民解决他们目前水深火热的困境。

他向在旁提出两项建议：第一是加测的方案，当河水高涨时先开抽水机抽去一部分的河水，并非放水回让河水注入龟咯水域，以减少含氧量低的河水流入水域。

“中间方案是在渔民面对惨重的损失，先动用紧急的拨款来协助他们解决目前的困境，让渔民还能够继续养殖。”

他说，到目前为止没有看到政府有实际的行动，因此，他希望农业部能够早日到这里与业界对话，才能真正了解养殖业渔民所面对的问题。

魏家祥助反映心声

黄日升表示，马华国统辖选区国会议员魏家祥已于 10 月 14 日，在国会向农业部部长魏志毅致函，询问协助 76 户渔民面对的问题。

他说，当时副部长没有正面回应，只是说部门通过农业银行提供低息贷款，以协助渔民对天然灾害的农民加测。

“我们没有看到部长正式看待这件事，并以积极的态度采取行动来帮助养殖业渔民。”

黄日升说，他会将今天在龟咯与养殖业渔民的交流对话，再一次向魏家祥在国会反映渔民的心声。



有 76 户渔民在龟咯海域从事养殖业。

虽获免费金目鲈鱼苗 林添福：转分2渔民

龟咯养殖业公会主席林添福表示，虽然在 10 月 17 日获得渔业局免费提供 2000 条金目鲈鱼苗，致令

数目只是杯水车薪，只好分给其中两位损失最惨重的渔民。

“当局所提出的给养殖业渔民发放金目鲈鱼苗，这并不是一个可行的方案。”

他说，发放鱼苗涉及增加成本，而且当局发放的鱼苗，还会面对海水的污染，另一个是要面对海面出现的油污等问题，以及大风浪的袭击等。

业的损失。由于最近龟咯下大雨，主要的一条河流带着大量的河水涌入龟咯海域，导致海水缺氧。

第一次发生鱼类因缺氧而大量死亡是在 10 月 1 日，第二次是在 10 月 8 日，第三次是在 10 月 23 日，而第四次是 10 月 25 日。

其中有一位渔民面对一半的损失包括大箱网箱的死亡，还有一位渔民一半的损失是箱网箱的死亡，这些损失包括红鱼、白鱼、白点、石斑鱼、金目鲈。其中以红鱼占多数。



林添福：转分2渔民

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Massive fish die-off happened thrice within this month | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (Johor) | | |
| Date | 26 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 70,157 |
| Page No | 3 | Readership | 210,471 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 441 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,343 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,030 |



本月3次魚隻集體死

龜咯76養殖業者損失逾千萬

(笨珍25日讯) 龟咯海产养殖业者申诉本月以来, 因为海水出现缺氧现象, 导致前后发生三次鱼只集体死亡事件, 损失惨重。

三次魚只集体死亡事件, 损失惨重
龟咯海产养殖业者申诉因为海水缺氧, 本月发生



林添福：海水出現缺氧現象

龟咯养殖业公会主席林添福今日披露, 当地共有76家业者受到这一波缺氧事件影响, 估计损失超过1千万令吉。

他指出, 鱼只集体死亡事件分别在今年10月1日、10月8日及10月23日发生, 事件起因相信是因为临近河流一次过排出大量的河水, 大量的淡水使海水PH值下降而呈现酸性, 海水进而发生缺氧现象, 使海上养殖场的鱼只死亡。

他说, 死亡的鱼只品种包括红鱼、午鱼、石斑鱼, 一夜之间翻肚的鱼只数以吨计。

“海水缺氧事件在过去, 每年会发生一两次, 但是不曾像今年这么稠密, 一个月发生3次, 且都是发生在凌晨时分, 令业者措手不及。”

搬新地点增成本风险

询及农业及农基工业部提出, 龟咯海上养殖业者应将鱼排搬到新地点以避免污染的建议, 林添福指出, 当局的建议可行性不高, 因为此举将提高业者的成本和风险。

他表示, 若搬迁离开海岸线更远的公海, 业者担心随时海盜袭击, 大风浪, 海上油污而蒙受损失。此外, 搬迁至更远的新地点也意味著每天的运作成本更高昂。

他说, 前朝政府也曾作出类似的建议, 但是因为行不通而作罢。



余国强：降雨量太大致排水量增

龟咯养殖业公会副主席余国强表示, 龟咯渔村临近有甘榜区, 由于近来雨季, 降雨量太大, 导致当地3条河流的排水量大增。

据他了解, 由于有关当局因为担心河水暴涨, 导致甘榜区发生水灾, 而在凌晨时分分开水闸放水泄洪。该会已经与有关当局接洽及反映问题, 不要在凌晨时分开闸。

作为其他解决方案, 有的业者也建议当局, 提供电力和水源供应, 让业者能够通过器材, 在渔场释放足够的氧气给鱼只。



黄日昇：建議設水泵分階段排水

另一方面, 马华丹絨比艾区会主席的黄日昇于今年与龟咯养殖业者对话交流会后, 在新闻发布会上指出, 政府应该采取短期及长期计划, 解决养殖业者面对的问题。

他建议当局在河流安置水泵, 分阶段的将河水抽出排放, 避免一次过开闸泄洪。

“其次, 业者短期内面对庞大的亏损, 政府应该立即发放紧急拨款或贷款, 协助业者度过难关, 而不是等待明年。环境部也有责任采取恰当的行动。”

他也担心从排放到大海的河水, 可能因为来自园丘的肥料元素渗入而造成海水污染。

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Fishes died from lack of oxygen 3 times this month | | |
| MediaTitle | China Press (Johor) | | |
| Date | 26 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 19,804 |
| Page No | C3 | Readership | 59,412 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 666 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,082 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,245 |



■黄日升（前排左4）与笨珍龟咯与养殖业渔民，举行对话交流。

本月3度魚兒缺氧死

龜咯養殖業漁民損失千萬

（笨珍25日讯）76户笨珍龟咯养殖业渔民这个月来，3度面对养殖在箱网里的鱼儿因缺氧死亡，估计损失高达1000万令吉。

据业者指出，最近频频下大雨，主要3条带着含酸性高的河水，大量地排入龟咯海域，导致海水缺氧。

据了解，第一次发生鱼儿因缺氧而大量死亡在本月1日，第二次在本月8日，第三次在本月23日，而且一次比一次的严重。

马华丹絨比艾区会主席詹拿督斯里黄日升接获投诉后，今日到龟咯与养殖业渔民举行对话交流。

黄日升促请政府尽速采

取有适合与有效的行动，协助龟咯养殖业渔民解决他们目前水深火热的困境。

他向有关部门提出两项建议，即当河水高涨时先用抽水机抽去一部份的河水，才开放水闸让河水排入龟咯海域，以减少含酸性高的河水流入海域。

黄日升提2建議

“中期的方案是先动用紧急的拨款，来协助渔民解决目前的困境，让渔民还能够继续养鱼。”

他抨击，政府还未有实际的行动，他促请环境部能派官员与业者对话。

他透露，马华总会长詹督斯阿里魏家祥已经在本月14日，在国会向农业及农基部副部长沈志勤提问，如何协助76户渔民面对的亏损。

他说，当时副部长没正面回应，只表示该部门通过农业银行提供低息贷款，以协助面对天然灾害的农民和渔民。

“我们没有看到副部长认真看待这件事，并以积极的态度采取行动来协助养殖业渔民。”

黄日升说，他会把今日在龟咯与养殖业渔民交流对话，再一次请魏家祥在国会上反映渔民的心声。



■王永丰、两名损失惨重的渔民陈健辉（左）及

林添福： 漁業局提供魚苗杯水車薪



龟咯养殖业公会主席林添福指出，虽然在本月17日获得渔业局免费提供3000条金目鲈鱼苗，但这个数目只是杯水车薪，目前只是分给其中两位损失最惨重的渔民。

他认为，当局提出将养殖业的渔排搬迁到靠近公海的水域，这并不是一个可行的方案，因为他们将面对海盜威胁。

■林添福：魚排搬到靠近公海海域，会面对海盜威胁。



■养殖在箱网里的鱼儿，因缺氧而大量死亡。

Orang tengah perlu daftar Fama

Selayang: Menjelang pertengahan tahun depan orang tengah perlu mendaftar dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) supaya mereka tidak menindas petani dan meningkatkan harga hasil pertanian berkali ganda kepada pengguna.

Pengerusi Fama, Ishak Ismail berkata, mereka mesti bertanggungjawab, diberikan peranan yang sewajarnya dan diiktiraf. Mereka boleh mendaftar secara dalam talian iaitu Daftar Pemasar.

“Jika mereka boleh jadi ejen penghantar profesional, saya yakin mereka dapat menyeimbangkan tahap kecekapan mereka.

“Dengan kewujudan Daftar Pemasar itu, Fama boleh tahu siapa mereka, di mana mereka bergerak, berapa jumlah mereka dan apa komoditi yang mereka dagangkan.

“Fama boleh bekerjasama dengan mereka lebih baik dan membantu mereka dari segi kaedah membawa barangan hasil dari ladang ke lokasi jualan dengan lebih cekap dan berkesan,” katanya.

Petani jual baja subsidi

Pekedai raih untung lumayan

Harga sekampit enam kali ganda lebih mahal daripada kadar asal

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azrli@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pekedai dikesan merifi keuntungan sehingga RM25 bagi sekampit baja subsidi seberat 20 kilogram (kg) yang dibeli daripada petani.

Kuntungan itu diperoleh pekada selepas menjualnya semula pada harga RM30 sekampit, se-

dangkan ia dibeli daripada petani pada harga serendah RM5.

Difahamkan, ada pekedai melantik ejen untuk menjadi orang tengah di antara pekedai menjual barang keperluan pertanian dengan petani, yang memperoleh subsidi baja daripada kerajaan.

Seorang bekas pegawai pertanian memberitahu, ejen berkenaan ditugaskan masuk ke kampung bagi mencari dan membeli baja subsidi daripada pesawah.

Sumber itu berkata, petani sedia menjual baja subsidi pada harga serendah itu, kerana mereka sudah pun mendapat untung atas angin.

"Ada ejen yang bekerja sendiri dan ada yang bekerja dengan kedai. Sekarang ramai yang bekerja sendiri dan tidak terikat dengan

kedai tertentu kerana mereka boleh kaut untung lebih tinggi.

"Mereka masuk ke kampung untuk mencari petani yang dapat subsidi baja tetapi tidak mahu guna. Ada petani yang tak kisah jual harga rendah sebab mereka sudah pun untung," katanya kepada BH.

Menurut sumber, ada tauke kedai yang menjual baja subsidi jauh lebih tinggi berbanding harga biasa, sambil menambah ia bergantung pada jenis baja dan siapa pengeluar sama ada kerajaan atau pun swasta.

BH difahamkan, harga bagi sekampit baja dengan berat 50kg dijual di kedai biasa pada harga RM150.

Kerajaan membayar antara RM36 hingga RM60 sekampit, tertakluk kepada formula baja yang diluluskan.

Lelaki berusia lewat 50-an itu berkata, pesawah yang mendapat subsidi baja menjual kepada pihak luar kerana beranggapan hasil padi tidak setimpal apabila menggunakan baja berkenaan.

"Pesawah yang saya jumpa selalu beri alasan kononnya selepas guna baja subsidi, mereka cuma dapat hasil padi yang 'biasa-biasa' atau tidak terlalu besar.

"Ada pihak tegur petani berkenaan dan mereka pernah berhenti sekejap menjual baja tetapi selepas itu, mereka buat perangai semula," katanya.

Difahamkan, terdapat dua jenis ejen, iaitu pertama yang bekerja sepenuh masa dan kedua, menjadi ejen separuh masa.

Seorang ejen separuh masa yang ditemui BH berkata, sikap petani

Skim dan insentif baja kepada petani

- » Skim Baja Padi Kerajaan RM465 juta
- » Skim Bantuan Input Pengeluaran RM563 juta
- » Insentif Benih Padi Sah RM85 juta
- » Skim Subsidi Harga Padi RM616 juta
- » Skim Baja dan Racun Padi untuk Pertanian Padi Bukit RM70 juta
- » Insentif Input Pengeluaran Padi RM112 juta

Subsidi baja

- » Kerajaan menyalurkan subsidi dan insentif berjumlah RM1.9 bilion setiap tahun.
- » Membabitkan petani yang memiliki sawah padi bawah 25 hektar sahaja.

Pengeluaran padi

- » Pengeluaran perkapita padi negara menyaksikan penurunan, iaitu 2,741 tan pada 2015.

- » Pada 2016 menurun kepada 2,740 tan.
- » Pada 2017 jumlah pengeluaran padi merosot kepada 2,571 tan.
- » Terdapat 155,000 pesawah di seluruh negara.
- » Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) diperkenalkan pada 1979 dengan nama Skim Subsidi Baja Padi (SSBP).
- » Bagi satu hektar kawasan penanaman petani disaran menggunakan empat beg baja urea dan 12 beg baja sebatian.
- » Berat setiap beg baja, 20 kilogram.
- » Harga purata setiap beg urea RM23 manakala beg sebatian RM26, sekali gus menjadikan kos per hektar penggunaan baja bagi pertanian kira-kira RM4,00 bagi satu musim penanaman.



Keratan akhbar BH pada 24 Jun lalu.

itu sendiri membuka ruang dan peluang kepada pihak luar membeli baja berkenaan.

Katanya, baja subsidi yang selalu dibeli ejen adalah lebihan yang tidak lagi digunakan petani.

Ejen yang berusia dalam lingkungan awal 30-an itu mendedahkan, ejen akan bergerak ke kampung tertentu untuk membeli subsidi baja daripada petani, selepas mereka selesai musim membaja.

"Ejen akan beli baja subsidi lebihan orang kampung. Maksudnya, kami beli lebihan baja yang orang (petani) tak pakai (tak guna).

"Kalau padi kena penyakit, pesawah akan guna sedikit sahaja padi. Padi yang diusahakan oleh petani

selalu sangat kena penyakit. Sebab itu mereka buat keputusan untuk jual baja subsidi kepada kami. Duit pun mereka dapat sebab padi kena penyakit dan tak menjadi.

"Stok (beli baja subsidi) mudah dapat sebab masalah penyakit yang membelenggu padi selalu terjadi. Padi pun tak ada kualiti. Tetapi, ada waktu kami sukar dapat beli baja kalau padi elok, tiada penyakit. Mereka akan guna sampai habis," katanya.

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Azulita Salim, ketika dihubungi mengesahkan terdapat gerakan ejen yang masuk ke kampung untuk membeli subsidi baja daripada petani, namun enggan mengulas lanjut.

'LPP mahu guna nombor kod bar pada kampil baja'

Kuala Lumpur: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) merancang memperkenalkan sistem baharu bagi menangani masalah penjualan baja subsidi oleh petani.

Sistem membabitkan penggunaan nombor kod bar yang akan tertera pada setiap kampil baja subsidi itu, membolehkan LPP menjejaki dan mengenal pasti petani yang menjual baja subsidi kepada pihak asing.

Sumber memberitahu BH, kertas kerja bagi cadangan itu sedang disiapkan untuk diserahkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MoA).

Sumber berkata, hasrat untuk membangunkan sistem nombor kod bar itu sudah dimaklumkan kepada Menteri Pertanian dan

Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Katanya, untuk mendapat 'lampu hijau' daripada Kementerian itu, ia memerlukan masa kerana kos bagi membangunkan sistem nombor kod bar itu bernilai jutaan ringgit.

"Selepas ini, apabila kementerian setuju dengan sistem itu, setiap kampil baja subsidi akan mempunyai nombor kod bar tersendiri," katanya.

Ditanya bila tempoh sistem nombor bar kod akan dilaksanakan, sumber berkata, kemungkinan ia dapat dilakukan pada tahun depan kerana pihaknya memerlukan masa untuk membincangkan hal berkaitan kos dan teknikal.

"Setiap nombor bar kod akan

mengandung maklumat petani yang menerima baja terbabit.

"Imbas sahaja kod berkenaan. Sistemnya lebih kurang sama dengan mesin imbas bar kod yang diguna pakai di pasar raya.

"Apabila petani menjual kepada pihak lain, kami akan dapat mengesaninya. Dengan hanya mengimbas maklumat mengenai petani akan keluar, sekali gus memudahkan kerja LPP mengesan siapa pemilik baja terbabit," katanya.

Sementara itu, sumber yang juga pegawai MoA mengesahkan hasrat untuk membangunkan sistem kod bar pada kampil baja subsidi pernah dibangkitkan dalam mesyuarat baru-baru ini.

Menurut sumber, cadangan untuk melaksanakan sistem kod bar

bukan perkara baharu, kerana ia pernah diusulkan pada zaman pemerintahan kerajaan terdahulu.

"Ya, sistem itu pernah dibangkitkan oleh LPP dalam mesyuarat terdahulu. Tetapi tidak secara khusus. Lagipun, cadangan untuk melaksanakan sistem kod bar ini sudah lama, pada pentadbiran dahulu lagi.

"Perkara itu cuma diusulkan secara lisan dan apa yang boleh saya sahkan adalah, tiada proposal (kertas cadangan) rasmi daripada mana-mana pihak, termasuk LPP. Lagipun, kos yang diperlukan untuk membangunkan sistem kod bar itu kemungkinan membabitkan jutaan ringgit.

"Yang pasti, ia memerlukan kajian lanjut dalam usaha memastikan setiap pelaburan terhadap

sistem berkenaan benar-benar berkesan," katanya.

Selain cadangan sistem kod bar katanya, ketika ini MoA merancang untuk mengasingkan baja dihasilkan kerajaan melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dengan baja dihasilkan pihak swasta.

Untuk membezakan baja keluaran NAFAS dan swasta sumber berkata, pembungkusan baja kerajaan akan berwarna putih manakala swasta akan diberi warna tertentu.

"Jika berlaku masalah agihan atau ketirisan, mudah bagi pegawai MoA atau pihak berkuasa untuk kenal pasti sama ada baja kerajaan yang diseleweng atau pun baja keluaran swasta disalah guna," katanya.

| | | | |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Agricultural training course | | |
| MediaTitle | See Hua Daily News | | |
| Date | 26 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Northern Sarawak | Circulation | 63,549 |
| Page No | A14 | Readership | 190,647 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 168 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,884 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,651 |



山城農業培訓課程

▲50名参与现代化农耕栽种的农民与农业部官员合照。

(本报马鲁帝25日讯) 马鲁帝农业部于周二举行一天农业培训课程。

来自古晋农业部的2名官员，现场指导蒲悦和丹章里望区域50名农民如何采用新方式并有效的进行农耕。

课程目的是让更多农民认识精明农耕，开拓本身在农耕领域更好的前景。



◀古晋农业官(左)颁发证书予邦曼查朗迪。

| | | | |
|------------|--|-------------|------------|
| Headline | Peruntukan Bantu Graduan Ceburi Pertanian Akan Disedia Dalam Belanjawan Negeri | | |
| MediaTitle | Borneo Today (www.borneotoday.net) | | |
| Date | 26 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

Peruntukan Bantu Graduan Ceburi Pertanian Akan Disedia Dalam Belanjawan Negeri

Junz Wong bercakap kepada wartawan selepas merasmikan Karnival Putatan anjuran Parti Warisan Sabah bahagian Putatan.Oleh SURAIDAH ROSLAN

PUTATAN: Kerajaan Sabah akan menyediakan peruntukan khas dibawah Belanjawan Negeri 2020 bagi membantu graduan mencebu...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|----------|------------|
| 26/10/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 12 |



Sebahagian mangsa banjir kilat Kampung Sezhu, Nibong Tebal, ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Dewan Serba Guna Jawi, Pulau Pinang, semalam. (Foto Ramdan Maslam/BH)



Keadaan sawah padi seluas 15 hektar ditenggelami air di Kampung Parit Mat Keling, Bagan Serai, akibat banjir melanda daerah Kerlan sejak awal minggu ini. (Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

Banjir di beberapa tempat di seluruh negara makin pulih

Petani alami kerugian tanaman mati ditenggelami air sejak beberapa hari lalu

Oleh Iwan Tun Tuah, Muhammad Mustakim Ramli, Abnor Hamizam Abd Manap, Zuliaty Zulkiffli dan Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Banjir di beberapa tempat seluruh negara semakin pulih semalam, namun petani mengalami kerugian selepas tanaman mereka ditenggelami air sejak beberapa hari lalu.

Di Bagan Serai, pesawah di Parit Mat Keling, di sini bimbang dengan anak padi di bendang lebih 15 hektar akan mati selepas ditenggelami banjir sejak awal minggu ini.

Ketua Unit Peladang kampung berkenaan, Padli Samad, berkata anak padi yang berusia seminggu hingga tiga minggu yang diusahakan lebih 20 pesawah, ditenggelami air lebih lima hari akibat hujan lebat serta limpahan air dari

Kolam Bukit Merah yang dibuang ke Sungai Kurau.

"Kesan kejadian itu, sawah padi yang kami usahakan tidak sampai sebulan, kini ditenggelami air."

"Hari ini (semalam), masuk hari kelima air tak dapat dialirkan keluar dari petak sawah, biarpun pihak berkaitan ada menyediakan tiga buah pam bergerak."

"Kami bimbang kejadian yang pernah menimpa tahun lalu berulang dan berharap kerajaan dapat membantu," katanya yang ditamul di sini, semalam.

Padli berkata, beliau yang mengusahakan lebih dua hektar pasti menanggung kerugian jika anak padi mati kerana kos benih padi sahaja sudah berharga RM34 hingga RM100 setiap beg, bergantung jenis padi yang digunakan.

"Itu tidak termasuk kos lain seperti membajak tanah, upah serak dan lain-lain. Diharapkan pihak kerajaan dapat mempertimbangkan bantuan khas untuk pesawah yang dilanda bencana," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Perak, Abdul Yunus Jamhari, berkata pihaknya dimaklumkan sebanyak 17 hektar sawah di Kerian, termasuk di Parit Simpang 5, Alor Pongsu ditenggelami air dan berdepan risiko mati.

"Punca kejadian disebabkan hujan lebat dan aliran air keluar yang lambat, berikutan keadaan pasang dalam di sungai dan laut," katanya.

Di Negeri Sembilan, banjir di Jelebu masih tidak berubah sehingga petang semalam dengan 162

Anak padi yang berusia seminggu hingga tiga minggu yang diusahakan lebih 20 pesawah, ditenggelami air lebih lima hari akibat hujan lebat serta limpahan air dari Kolam Bukit Merah itu, sawah padi yang kami usahakan tidak ditenggelami air.

Padli Samad, Ketua Unit Peladang Kampung Parit Mat Keling

mangsa membabitkan 47 keluarga masih ditempatkan di lima pusat pemindahan sementara.

Jurucakap Sekretariat Bencana Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) negeri berkata, daripada jumlah itu 59 lelaki, wanita (54), kanak-kanak (48) dan seorang hayi perempuan.

Pusat pemindahan yang masih dibuka ialah Masjid Kampung Puom, Dewan Orang Ramai Kampung Chennai, Balai Raya Kampung Juntai, Balai Raya Simpang Durian dan Masjid Kampung Jerang.

"Keadaan paras air masih lagi tinggi dan pemantauan terus dilakukan."

"Punca banjir disebabkan oleh hujan lebat yang berterusan malam tadi (kemarin) sehingga Sungai Kenaboi, Jerang dan Triang tidak dapat menampung kuantiti air yang banyak."

"Selain itu, ada juga kawasan dilanda banjir kerana masalah sistem perparitan berikutan terdapat longgokan sampah dan sisa kayu pada pembedung," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Jelebu, Deputy Superintendan Kamarul Rizal Jenal, berkata Jalan Simpang Pertang - Manchis dekat Kampung Juntai dinaiki air, namun masih boleh dilalui kenderaan.

Beliau berkata, sebagai langkah keselamatan papan amaran banjir akan diletakkan di laluan itu bagi mengelak kejadian tidak diinginkan berlaku.

Di Kedah, 42 buah rumah di lima kampung di Mukim Relau, Bandar Baharu dinaiki air akibat banjir kilat.

Sekretariat Pengurusan Bencana Daerah Kulim, Leftenan (PA) Mohd Fadhil Fahmi Zaini, berkata antara kampung terbahit termasuklah Kampung 300 Kaki Kampung Kelang Batu, Kampung Tengah Jalan Atas B, Kampung Paya Semambu dan Kampung Padang Relau.

Beliau berkata, hujan lebat bermula jam 7.30 malam kelmarin itu menyebabkan air naik setinggi 0.4 hingga 0.6 meter sekitar jam 10 malam kelmarin.

"Setakat ini, tiada pusat pemindahan dibuka," katanya.

Di Sik, 30 rumah di empat kampung terjejas akibat banjir kilat susulan hujan lebat selama tujuh jam petang kelmarin.

Sekretariat Pengurusan Bencana Daerah Sik, Leftenan (PA) Haisul Aishah Mohd Napih, berkata kawasan yang terjejas ialah Kampung Jerai, Kampung Bendang Teming, Kampung Tanjung Setar dan Kampung Kemelong.

"Keadaan pulih pagi ini (semalam)," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|----------|------------|
| 26/10/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 13 |



Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat membantu mangsa banjir sekitar daerah Baling berpindah ke pusat penempatan sementara selepas kediaman mereka ditenggelami air. (Foto Safuzi Kamarudin/BH)



P Premalatha (dua dari kiri) bersama keluarga menyambut Deepavali serba sederhana selepas rumahnya di landa banjir kilat di Kampung Sungai Jawi, Nibong Tebal. (Foto Rapsdhan Masidin/BH)

Di Johor, mangsa banjir di Pontian dan Batu Pahat menurun kepada 198 orang pagi semalam, berbanding 213 malam kelmarin. Pengerusi Jawatankuasa

Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Johor Tan Chen Choon, berkata semua mangsa dari daerah Pontian dan Batu Pahat itu ditempatkan di tiga

pusat pemindahan. "Di Batu Pahat, seramai 29 mangsa daripada 10 keluarga ditempatkan di dewan orang ramai 'Tongkang Pecah,' katanya.



Kederaan banjir di Kampung Juntai, Jelebu, semalam. (Foto Abnor Hamizam Abd Manap/BH)

Desak segera dalamkan muara Kuala Sungai Baru

Nelayan sukar keluar masuk ke laut melalui laluan berkenaan

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

Alor Gajah: Segera korek muara, bina tembok penahan pasir dan benteng pemecah ombak.

Itu gesaan nelayan yang mahu masalah mendapan lumpur dan pasir yang semakin serius di muara Kuala Sungai Baru diatasi segera sebelum Jun tahun depan.

Hal itu dibangkitkan sebilangan besar nelayan di Pangkalan Nelayan Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah, dekat sini berhubung isu mendapan pasir dan tanah di muara Kuala berkenaan yang semakin membebankan mereka untuk keluar masuk melalui muara berkenaan.

Tekong, Azmi Wahid, 52, berkata masalah itu sudah berlarutan sejak sekurang-kurangnya lima tahun lalu dan ia tidak pernah susut, sebaliknya terus mengancam keselamatan dan kelancaran nelayan untuk ke laut dan masuk ke pangkalan itu ketika air surut. "Ketika air surut, pasir dan ta-

nah di muara ini timbul dan menyekat pergerakan perahu, apatah lagi bot besar dan kami terpaksa membaca perubahan air pasang dan surut setiap kali ingin keluar masuk," katanya ketika ditemui di pangkalan itu.

Awak-awak, Rizal Jais, 49, berkata setiap kali nelayan ingin mendaratkan ikan dan hasil laut yang lain seperti ketam dan udang, mereka perlu bijak membaca waktu air pasang kerana jika terlepas, mereka terpaksa menumpang mendaratkan ikan di jeti atau pangkalan nelayan lain yang jaraknya agak jauh dari Pangkalan Nelayan Kuala Sungai Baru.

Paling menyukarkan ialah jika mereka terpaksa bersauh, iaitu membiarkan perahu atau bot berlabuh di perairan tidak jauh dari muara ketika air surut sementara menunggu air pasang semula.

"Dalam tempoh 24 jam, ada enam jam air pasang dan enam jam surut sebelum pasang selama enam jam lagi dan surut enam jam



Jasman memerhatikan bot nelayan yang tersesat di Pangkalan Nelayan Kuala Sungai Baru kerana tidak dapat keluar ke laut ketika air surut di muara Kuala Sungai Baru. (Foto Hassan Omar/BH)

Ketika air surut, pasir dan tanah di muara ini timbul dan menyekat pergerakan perahu, apatah lagi bot besar dan kami terpaksa membaca perubahan air pasang dan surut setiap kali ingin keluar masuk.

Azmi Wahid,
Tekong bot

lagi. "Kami harus bijak membacanya untuk mengelakkan tidak dapat turun ke laut dan begitu juga ketika hendak mendaratkan hasil tangkapan," katanya.

Abdul Hamid Noor, 50, berkata masalah itu harus segera diatasi melalui kerja mengorek muara, selain membina tembok penahan pasir dan benteng pemecah ombak yang harus dilakukan segera hujung tahun ini atau awal tahun depan.

Mereka mengulas kenyataan Ketua Menteri, Adly Zahari, ketika mengadakan lawatan kerja ke kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi minggu lalu yang antara lain menjelaskan, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan kira-kira RM12 juta bagi memperdalam dan membina benteng di muara Kuala Sungai Baru untuk memastikan 50 bot nelayan mudah untuk keluar masuk.

Adly dilaporkan berkata, tender projek itu akan dikeluarkan pada

Jun 2020 dan ia penting bagi membina laluan keluar masuk bot nelayan yang bukan setakat dalam dan lebar, malah mampu bertahan untuk jangka panjang berbanding jika kerja pembaikan muara hanya memabatkan kerja mengorek muara.

Sementara itu, Ketua Jaringan Perikanan Kuala Sungai Baru, Jasman Nor, 55, berkata nelayan amat bersyukur kepada Allah SWT dan berterima kasih kepada kerajaan kerana mendengar rintihan nelayan.

"Apabila projek mendalamkan muara, membina tembok menahan tebing muara dan membuat benteng pemecah ombak atau 'gronye' itu siap sepenuhnya, kami tidak akan menghadapi masalah untuk keluar masuk muara pada bila-bila masa," katanya.

Bagaimanapun, katanya tender itu perlu ditawarkan dalam tempoh terdekat tanpa perlu menunggu Jun tahun depan berikutan masalah mendapan yang semakin serius di muara terbabit.



Mohd Derus menunjukkan pokok nangka yang mengeluarkan hasil tiga kali ganda daripada biasa selepas disemur pengalag buah di kebunnya di Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Kota Perdana, Pekan. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Inovasi pekebun nangka hasilkan penggalak buah

Pokok mampu keluarkan hasil tiga kali ganda daripada biasa

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Pekan: Pengalag buah hasil inovasi seorang pekebun nangka terbukti berkesan apabila pokok yang disemur dengan cecair berkenaan mampu mengeluarkan hasil lebih tiga kali ganda daripada biasa.

Penggunaan produk berkenaan mampu menambahkan pendapatan pekebun, terutama bagi mereka yang bergantung sepenuhnya pada hasil pelbagai jenis tanaman seperti nangka, durian, cempedak, duku, dokong, limau, kelapa sawit dan langsung.

Bagi Mohd Derus Abdul Latif, 58, pengalaman bertugas sebagai penolong pegawai pertanian selama 32 tahun menjadi kelebihan kepadanya menghasilkan produk yang pertama di negara ini.

Katanya, dia mengambil masa selama dua tahun untuk melakukan penyelidikan sebelum berjaya meng-

hasilkan produk pengalag buah yang amat sesuai digunakan oleh pekebun bagi menambahkan hasil pengeluaran tanaman mereka.

Beliau yang sebelum ini berjaya menghasilkan tiga jenis baja kimia untuk tanaman sawit, padi dan sayuran berkata, pengalag buah yang dihasilkan sesuai digunakan pada pokok yang mengeluarkan buah pada bahagian batang dan dahan.

"Cara menggunakan pengalag buah yang saya hasilkan mudah sahaja, pekebun hanya perlu menyemur produk terbabit pada bahagian batang dan dahan sekali seminggu selama tiga minggu berturut-turut.

"Kandungan utama produk berkenaan ialah sejenis bakteria yang berperanan merangsang pokok mengeluarkan buah secara serentak dengan jumlah yang banyak tanpa memberi kesan sampingan kepada tanaman dan buah," katanya, di sini, kelmarin.

Beliau berkata, bukti kejayaan penggunaan pengalag buah yang dihasilkan dapat dilihat pada projek tanaman nangka seluas lapan hektar yang diusahakan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kota Perdana, de-

kat sini.

Mohd Derus berkata, pengeluaran nangka madu jenis J33 bertambah tiga kali ganda berbanding sebelum ini, buah keluar pada bahagian batang dan dahan antara 50 hingga 100 biji selepas disemur dengan produk berkenaan.

"Produk pengalag buah dihasilkan dalam bentuk serbuk dan mengandungi beberapa jenis bahan kimia, untuk menggunakannya pekebun hanya perlu membancuh dengan air mengikut sukatan ditetapkan dan membuat semburan pada pokok.

"Produk berkenaan juga boleh dicampur dengan racun serangga dan kulat untuk membasmi perosak. Pekebun pasti berpuas hati apabila sekali mencubanya.

"Selepas menggunakan pengalag buah pekebun tetap perlu melakukan aktiviti membaja dan membersihkan kawasan seperti biasa mengikut jadual," katanya yang turut mengusahakan tanaman jambu, serai, padi dan betik.

Beliau berkata, selepas menggunakan produk pengalag buah, dia kini mampu memasarkan nangka ke Singapura sebanyak 12 tan sebulan, selain lebih tujuh tan untuk pasaran tempatan.

Tangani ancaman kera

Antara kekangan dihadapi dalam Projek Ekonomi KRT di Hulu Terengganu

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Ancaman haiwan perosak antara kekangan terpaksa dihadapi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Hulu Terengganu dalam melaksanakan Projek Ekonomi KRT bawah kelolaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPININ) Terengganu.

Sehubungan itu, Pejabat Perpaduan Daerah Hulu Terengganu akan mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bagi menangani masalah tersebut.

Pegawainya, Asonizam Mat berkata, terbaru projek tanaman nanas KRT Kampung Gunung, Kuala Berang seluas 0.4 hektar yang mula dilaksanakan November tahun lalu turut musnah akibat dirosakkan kera beberapa hari lalu.

"Daripada 13,700 pokok yang ditanam dianggarkan 700 hingga 800 pokok musnah diserang kera. Projek ini dijangka mengeluarkan hasil dan boleh dituai tahun depan dan serangan ini menyebabkan kerugian kira-kira RM300.

"Walaupun nilai kerugian ini tidak banyak dan anak pokok masih kecil tetapi ia memberi kesan pada masa panjang bagi tumbesaran anak pokok tersebut," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Tanaman nanas oleh KRT Kampung Gunung dilaksanakan di bawah pelaksanaan program Projek Ekonomi KRT dengan pemantauan Pejabat Perpaduan Daerah serta mendapat khidmat nasihat daripada Lembaga Nanas



Penduduk bergotong-royong memasang perangkap bagi mengatasi ancaman haiwan perosak.

Negeri Terengganu.

ia diusahakan oleh 30 peserta terdiri daripada ahli jawatankuasa KRT, belia dan suri rumah.

Asonizam berkata, KRT Kampung Gunung telah mengambil inisiatif seperti memasang pagar elektrik dan perangkap,

namun setakat ini, ia belum berkesan dan bercadang menggunakan pukat hitam.

Katanya, ancaman haiwan perosak seperti kera dan babi sering berlaku kepada penduduk setempat yang mengusahakan tanaman persendirian.